

17/11/1997

Dr Mahathir ulangi amaran kepada peniaga Langkawi

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sesuka hati ketika Pertunjukan Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97), Disember ini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun beliau berpuas hati dengan persiapan dan sambutan menggalakkan syarikat yang menyertai pameran itu, apa yang dibimbangkan ialah mengenai harga makanan.

"Oleh itu, saya sudah meminta pihak bertanggungjawab mendapatkan menu dan harga semua kedai makanan dan mempamerkannya supaya pelanggan tidak tertipu dengan membayar harga terlalu tinggi," katanya selepas taklimat persiapan Lima '97, hari ini.

Dr Mahathir berkata, pengusaha kereta sewa juga perlu diberitahu mengenai kadar sewa supaya tidak terlalu tinggi sehingga membebankan pengguna.

Kebimbangan Perdana Menteri mengenai harga barangan, khususnya makanan memang berasas kerana peniaga sering mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlebihan, khususnya musim cuti dan ketika Lima diadakan.

Pada Lima 1991, ada peniaga menjual roti canai RM5 sekeping, lebih mahal daripada harga di hotel walaupun berniaga di kedai makan biasa.

Selain itu, kadar kereta sewa dan bilik hotel sering menjadi isu setiap kali Lima diadakan.

Sesetengah pengusaha hotel menaikkan harga dua atau tiga kali ganda, manakala harga sewa kereta yang biasanya hanya RM100 meningkat antara RM200 dan RM250 sehari.

Turut mendapat perhatian Dr Mahathir ialah tahap kebersihan yang menurutnya perlu dipastikan sentiasa bersih, khususnya dalam kawasan pameran.

Berikutan itu, beliau meminta penganjur pameran tidak membenarkan pengunjung membawa masuk makanan dan minuman dalam tin ke kawasan pameran, termasuk tempat pesawat dipamerkan.

"Saya harap perkara ini akan dijaga dengan rapi oleh pihak yang bertanggungjawab," katanya.

(END)